



# MESYUARAT AGUNG PERSATUAN ALUMNI

Oleh: En. Azfardon Zulkamal Azmi

Pendaftaran Persatuan Alumni Universiti Malaysia Perlis secara rasmi di Pendaftar Pertubuhan (Registrar Of Society) atau ROS telah pun diluluskan secara rasmi sebagai pertubuhan yang sah pada 4 Mac 2011. Justeru Mesyuarat Agung Persatuan

Alumni UniMAP yang pertama sejak berdaftar dangan Pendaftar Pertubuhan telah diadakan pada hari Sabtu, 30 Julai 2011, bertempat di Hotel Sri Malaysia Kangar Perlis.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan dari Pengerusi Alumni Pro Temp Encik Syed Akhmal Bin Syed Jamalil dan juga ucapan perasmian daripada Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni Encik Razli Bin Ahmad. Agenda yang pertama dimulakan dengan pemilihan AJK Persatuan Alumni . AJK Pro Temp telah dijemput mengambil tempat di hadapan dewan untuk mengelola mesyuarat ini. Borang usul telah diedarkan kepada ahli-ahli alumni yang hadir. Pengerusi Alumni Pro Temp Encik Syed Akhmal Bin Syed jamalil telah membacakan dan menerangkan perlembagaan sehingga habis.

Selepas itu sesi kedua mesyuarat bermula dengan AJK baru yang dipilih dan dilantik menggantikan tempat AJK Pro Temp. Pengerusi Alumni memulakan mesyuarat dengan membacakan usul-usul yang diterima, dibincangkan dan dipersetujui untuk tindakan. Turut hadir ke mesyuarat ini adalah Lt. Kol. (B) Zainudin Mustafa, Timbalan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, En. Rosfarizal Abd. Manan, Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta En. Sarudin Rohsli, mantan Presiden Persatuan Alumni Universiti Malaysia Perlis.